

LAYANAN ISTERI TERHADAP SUAMI DALAM ASPEK BERHIAS SEBAGAI PENDIDIKAN DALAM RUMAH TANGGA DAN KESAN PENGABAIANNYA

(WIFE'S TREATMENT TOWARDS HUSBAND IN THE BEAUTIFICATION ASPECT
AS MATRIMONIAL EDUCATION AND THE IMPLICATIONS OF NON-
COMPLIANCE.)

Najlaa Binti Ismail¹
Tengku Intan Zarina Bt. Tengku Puji²

Abstrak

Layanan isteri terhadap suami merupakan suatu hak dan tanggungjawab yang wajib dilaksanakan oleh wanita yang telah mendirikan bahtera rumah tangga. Antara layanan tersebut, berhias merupakan salah satu tanggungjawab yang perlu isteri tunaikan terhadap suami. Ia merupakan antara pemangkin penting untuk mengekalkan kebahagiaan dan kerukunan dalam sesebuah rumah tangga. Islam sendiri telah menetapkan amalan berhias bagi seorang isteri untuk suaminya sebagai nilai 'ibadah. Kegagalan isteri melaksanakan amalan berhias untuk suami boleh mendatangkan pelbagai implikasi negatif yang menjerus ke arah masalah dalam rumah tangga dan juga masyarakat. Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan layanan isteri terhadap suami dengan menumpukan kepada aspek berhias sebagai pendidikan dalam rumah tangga. Ia dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada golongan wanita terutamanya yang telah bergelar isteri. Penulisan ini juga akan membincangkan kesan pengabainnya. Hasil kajian ini mendapati bahawa layanan isteri dalam aspek berhias jelas memberi kebaikan dan kelebihan kepada pasangan yang mengamalkannya. Ia juga dapat mengeratkan kasih sayang antara suami dan isteri serta mengelakkan berlakunya keruntuhan rumah tangga.

Kata Kunci: Layanan isteri, kebahagiaan, kesan.

Abstract

A wife treatment towards her husband is a rightful right and a noble responsibility that must be undertaken by every married woman. Among these treatments, beautifying oneself is part of the responsibilities of a wife which should be fulfilled for the husband. The practice of beautification is considered as an important catalyst in maintaining the happiness and

¹ merupakan calon Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi Selangor. Tel: +601110870072. Emel: najla89isma@gmail.com.

² Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor. Tel: +60175548251 E-mail: tengkuintan97@yahoo.com.

harmony of a household. Islam itself has set the beautifying practice of a wife to her husband as worship. Failure to carry out the practice of beautifying oneself among the wife can cause many negative implications leading towards many other conflicts in households and communities. Therefore, this article aims to discuss the wife's treatment towards the husband focusing on beautification aspects as education in the household. This can be the guidance to women, especially the wives. The practice of beautification among the wives proven to evidence positive benefits and advantages to couples who has been practicing it. Moreover, it fosters affection between husband and wife as well as preventing the occurrence of marriage failure.

Keyword: *Wife treatment, happiness, implications.*

2016 GBSE Journal

PENGENALAN

Perkahwinan adalah bertujuan untuk mengekalkan percintaan dan kasih sayang antara sesama pasangan secara aman dan tenang melalui ikatan yang sah. Matlamat ini akan tercapai jika suami dan isteri melaksanakan tanggungjawab dengan memberikan layanan yang baik kepada pasangan masing-masing. Tanggungjawab suami lebih tertumpu dalam aspek memenuhi segala keperluan dalam rumah tangga sementara tanggungjawab seorang isteri pula ialah menyediakan ketenangan, ketenteraman dan kasih sayang kepada suami dan anak-anak. Isteri yang solehah akan sentiasa melakukan perkara-perkara yang disukai suami mereka selagi tidak bertentangan dengan syariat Islam. Antara perkara yang boleh isteri lakukan untuk membahagiakan suami adalah dengan berhias. Ianya dianjurkan oleh Islam selagi mana berada dalam batas-batas yang tidak dilarang oleh syari'at.

Walaupun bagaimanapun, ramai golongan muslimah yang sudah bergelar isteri tidak mementingkan aspek ini kerana menganggap ianya bukan hak atau kewajipan yang perlu dilaksanakan terhadap suami. Mereka tidak memberikan perhatian terhadap aspek ini setelah berkahwin dengan mengabaikan penampilan mereka. Bahkan keadaan persiapan diri kebanyakan isteri semakin tidak terurus apabila mereka mempunyai beberapa orang anak kerana mereka menyakini bahawa suami mereka tidak akan mencari wanita lain dan meninggalkan mereka. (al-Thatibi 2002). Pandangan tersebut adalah tidak benar kerana amalan berhias merupakan cara yang berkesan untuk memantapkan cinta dan menarik hati suami sekaligus dapat mengukuhkan rumah tangga yang dibina.

Ketika berada di luar rumah, suami terpaksa melalui banyak cabaran untuk menjadi Muslim sejati dalam dunia yang penuh godaan dan cabaran ini. Dalam keadaan sedemikian, isteri sepatutnya membantu untuk mengurangkan beban cabaran tersebut dengan memberikan layanan yang baik kepada suami mereka seperti berhias, bersolek dan menjaga penampilan diri. (Pahrol 2012). Cara ini akan dapat menenangkan hati suami serta mengelakkan mereka daripada tergoda dengan wanita-wanita di luar yang pandai menjaga penampilan diri, berhias dan berwangi-wangian. Pengabaian terhadap aspek berhias serba sedikit akan mempengaruhi kebahagiaan dalam sesebuah rumah tangga. Tambahan pula, data-data peningkatan kes perceraian masa kini menunjukkan konflik dalam rumah tangga banyak berlaku disebabkan alasan-alasan remeh yang melibatkan penampilan diri dan sifat fizikal pasangan. Lantaran itu, adalah menjadi satu keperluan untuk memberi kefahaman kepada golongan isteri tentang amalan berhias yang diharuskan dalam Islam dan kepentingannya dalam rumah tangga. Oleh

yang demikian, isu pengabaian isteri dalam amalan berhias untuk suami ini amat perlu diperjelaskan bagi memastikan rumah tangga yang bahagia dapat dibina dalam kalangan masyarakat Islam khususnya.

KONSEP LAYANAN ISTERI DALAM PERKAHWINAN

Berdasarkan penelitian terhadap kajian lepas, kebanyakan penulis dan penyelidik tidak memberikan definisi khusus untuk menerangkan konsep layanan. Penggunaan konsep layanan banyak digunakan dalam tajuk-tajuk atau kajian yang berkaitan dengan hak suami isteri. Sebagai contoh kajian oleh Masnon (2001) yang bertajuk "*hak wanita dalam undang-undang keluarga Islam di Brunei*". Dalam kajian tersebut pengkaji menyatakan sebahagian ulama bersepakat bahawa suami dan isteri berhak mendapat hak layanan dan pergaulan yang baik. Ianya tergolong dalam hak yang wajib ditunaikan oleh suami dan isteri dalam bentuk ma'nawi atau kerohanian. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi oleh Muhammad Uqlah (1989) yang menjelaskan suami dan isteri diharuskan untuk memberi layanan yang sempurna kepada pasangan masing-masing, mendampingi mereka dengan kasih sayang dan tidak menyakiti hati atau perasaan antara satu sama lain. Beliau juga menyatakan bahawa kebanyakan ulama juga meletakkan hak mendapat layanan dan pergaulan yang baik diberi keutamaan kepada isteri kerana kepentingannya adalah lebih utama dan keperluan memberi penekanan ke atas suami mengenai kewajipan tersebut adalah penting.

Amina (1997:50) menjelaskan bahawa sudah menjadi fitrah, wanita kebiasaannya suka melayan dan lelaki pula suka dilayan. Apabila isteri memberikan layanan yang baik kepada suami, ia akan dapat menenangkan hati suami serta membuahkan kasih sayang yang tulus, suci dan kekal berpanjangan. Menurut beliau lagi layanan yang dimaksudkan adalah layanan fizikal, mental dan spiritual yang dapat memperkukuhkan ikatan perkahwinan yang dibina. Mohd Hasnawi (2007) berpendapat isteri juga disunahkan untuk melayani suami dan mengurus anak-anak menurut batas kemampuannya.

Akmal (1992) pula berpendapat layanan isteri merupakan tanggungjawab yang besar dan wajib ditunaikan terhadap suami. Para isteri perlu memberi layanan yang istimewa dan sempurna kepada suami untuk memastikan rumah tangga yang bahagia dapat dibina. Pelaksanaan tanggungjawab yang sempurna oleh isteri juga akan mengelakkan suami mereka mendekati wanita lain atau mencari alasan untuk berpoligami. (Zaini 2014)

Selain itu, Saodah (2010) menjelaskan layanan sebagai salah satu peranan yang wajib isteri lakukan terhadap suami. Pendapat ini sejajar dengan Aidh al-Qarni yang diterjemahkan oleh Norsheila (2014) bahawa setelah berkahwin wanita mempunyai banyak peranan yang perlu dilakukan terhadap keluarga terutamanya suami. Mereka dituntut agar melayani suami dengan baik, menyediakan makanan kesukaannya dan keperluannya serta dapat memuaskan nalurinya.

Berdasarkan pernyataan di atas dapat dijelaskan bahawa layanan suami isteri merupakan hak dan tanggungjawab yang wajib dilaksanakan oleh suami dan isteri kepada pasangan masing-masing. Ia juga merupakan suatu yang bersumberkan hukum syarak sama ada al-Quran atau al-Sunnah. Layanan suami isteri dalam Islam juga adalah bersifat adil dengan memihak kepada kedua-dua pihak. Keutuhan sesebuah rumah tangga itu amat bergantung kepada

perlaksanaan hak dan tanggungjawab serta layanan yang baik kepada pasangan masing-masing.

KONSEP BERHIAS UNTUK SUAMI

Menurut Utsman al-Khasyat (1997) berhias tidak dilarang dalam Islam kerana ia merupakan fitrah semulajadi terutamanya bagi golongan wanita kerana amalan tersebut dapat memberikan kebahagiaan dalam diri mereka. Namun demikian, golongan wanita perlu menjaga dan mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh syarat agar ianya tidak berlebihan. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi oleh Fariza (2015) iaitu amalan berhias merupakan sesuatu yang diharuskan oleh Islam selagi mana ianya selari dengan garis panduan yang telah ditetapkan. Ianya juga perlu dilakukan dalam kadar yang serdahana (Utusan Malaysia, 26 Februari 2015). Haram bagi perempuan mendedahkan perhiasannya kecuali yang zahir iaitu pakaian luar, muka dan tapak tangan kepada bukan mahram mereka. (Sofiah & Maziah: 2013)

Berhias untuk suami termasuk dalam hak suami yang perlu dilaksanakan oleh isteri. Mereka hendaklah sentiasa berada di hadapan suami dalam keadaan yang menarik dan kemas supaya hati suami tenang dan bahagia. (Taha Abdullah al-Afify 1995). Pahrol (2012) berpendapat isteri yang hebat adalah isteri yang mampu menggoda suami dengan penampilannya di rumah iaitu dengan berhias. Ia merupakan satu tuntutan dalam Islam dan termasuk dalam perkara ibadah. Ganjaran pahala turut dijanjikan kepada golongan isteri yang melaksanakannya. Pendapat ini selari dengan Nik Abdul Aziz (2014) iaitu segala perbuatan dan setiap perkara yang dilakukan oleh isteri dalam ruang lingkup rumah tangganya akan dikurniakan pahala. Hal ini jelas membuktikan betapa Islam memberi keistimewaan kepada golongan isteri yang melaksanakan tanggungjawab mereka dalam rumah tangga termasuk amalan berhias.

Adhim & Mohammad Fauzil (1998) berpendapat seorang isteri Solehah akan sentiasa berusaha untuk menjaga dan mengekalkan kecantikannya dengan berhias bagi membahagiakan hati suami. Mereka akan berhias hanya ketika berada di rumah dan tidak melakukan amalan tersebut apabila berada di luar rumah. Menurut beliau lagi, antara amalan berhias yang boleh menarik hati suami ialah dengan memakai wangi-wangian untuk mewujudkan suasana yang lebih tenang dan romantik.

Walau bagaimanapun konsep berhias golongan wanita pada era moden ini kebanyakannya sudah tidak memenuhi kehendak syariat. Matlamat mereka berhias lebih tertumpu untuk menarik perhatian orang lain. Ia turut dikaitkan dengan pandangan masyarakat umum sendiri iaitu kaum wanita yang pandai berhias secara luaran lebih dipuja dan menjadi ikutan. Terdapat juga golongan wanita yang berhias untuk mengelakkan suami mereka mendekati wanita lain. Pendapat ini sejajar dengan Fariza Md. Sham (2012) yang mengatakan bahawa antara faktor menjadi pendorong golongan isteri berhias ialah kerana sikap suami. Jika isteri tidak berhias, suami mereka akan memandangi dan mendekati wanita lain yang dilihat lebih menarik dan pandai berhias. (Utusan Malaysia, 26 Februari 2015)

Amalan berhias yang berlandaskan syariat Islam akan memberikan kesan positif dalam berbagai aspek kehidupan terutamanya jika ianya diniatkan dengan tujuan ibadah. Sebagai seorang isteri, mereka perlu memberi perhatian dan melaksanakan tanggungjawab berhias untuk suami bagi mencapai kebahagiaan dalam rumah tangga dan memperoleh keredhaan

Allah. Namun demikian, perlu diingatkan bahawa golongan wanita tidak boleh berhias secara berlebih-lebihan dengan mengabaikan panduan Islam kerana ianya akan menjadi pendorong untuk melakukan kemaksiatan dan kemungkaran.

HAK-HAK LAYANAN ISTERI TERHADAP SUAMI

Hak-hak suami terhadap isteri lebih memberi perhatian kepada peranan dan kedudukan suami sebagai pemimpin rumah tangga. Ianya adalah kewajipan dan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh isteri selagi mana tidak bertentangan dengan syariah Islam dan akhlak Islam. (Azhar Muhammad & Kamarul Azmi 2004). Menurut A'tiyah Saqar (2005) pengabaian terhadap hak-hak suami atas isterinya adalah berbahaya dan mengabaikannya boleh mengakibatkan kesan yang buruk di dunia dan akhirat dengan serentak. Antara layanan yang perlu dipenuhi oleh isteri terhadap suami adalah dengan mentaatinya kerana hak qawwamah (kepimpinan) yang telah diberi oleh Allah kepada suami seperti yang disebut dalam surah al-Nisa' ayat 34. Firman Allah SWT:

Maksudnya: Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan kerana mereka (lelaki) telah memberikan sebahagian dari harta mereka. Maka, wanita-wanita yang solehah ialah yang taat kepada Allah dan memelihara diri ketika suaminya tidak ada, karena Allah telah memelihara (mereka). Wanita-wanita yang kamu khawatirkan nusyuznya, maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.

Tidak ada maknanya hak qawwamah ini jika tidak disertai dengan hak ketaatan. (A'tiyah Saqar, 2005). Sayyid Qutb (1995) menjelaskan kewajipan utama bagi wanita ialah mentaati suami dalam semua urusan keluarga kecuali pada perkara yang bertentangan dengan Islam seperti arahan meminum arak, melakukan zina dengan lelaki lain (pelacuran), mencuri dan sebagainya. (Aidh al-Qarni 2014).

Beradab dengan suami juga termasuk dalam hak layanan yang wajib isteri laksanakan kepada pasangan mereka. Seorang isteri itu hendaklah menjaga dirinya daripada melakukan tingkahlaku yang tidak baik dan sentiasa berlaku sopan apabila berhadapan dengan suaminya. Mereka tidak boleh melakukan perkara-perkara yang tidak disukai oleh suami seperti meninggikan suara, bermuka masam dan sebagainya. Isteri juga mestilah sentiasa menunjukkan tingkah laku yang baik terhadap suami dengan menggembirakan hatinya, menjaga pertuturan dan tidak membantah percakapan suami (Amina 1997:54).

Seterusnya, isteri juga dapat memberikan layanan yang baik kepada suami dengan menjaga maruah mereka. Menurut A'tiyah Saqar (2005) isteri bertanggungjawab untuk menjaga maruah suami melalui dua keadah iaitu dengan menjauhi zina dan perkara-perkara yang boleh mendorong atau menarik mereka untuk melakukan zina. Isteri juga perlu mengawal diri mereka agar tidak melakukan perkara yang bertentangan dengan syariat. Segala hukum syarak yang wajib dipatuhi perlu dijaga apabila berada di luar rumah seperti berpakaian menutup aurat, memelihara pandangan, menjaga kehormatan diri dan tatacara pergaulan. Mereka juga mesti menjaga rahsia serta memelihara pandangan, menjaga kehormatan diri dan tatacara pergaulan. (Azhar Muhammad & Kamarul Azmi 2004).

Secara asasnya, dalam sesebuah rumah tangga suami bertanggungjawab mencari nafkah untuk seisi keluarga. Manakala isteri pula bertanggungjawab menyediakan keperluan suami dan anak-anak di rumah. Isteri juga berperanan dalam menguruskan persekitaran dan suasana zahir rumah tangga termasuklah menjaga kebersihan rumah tangga zahir dan batin meliputi kebersihan pakaian, makanan, minuman serta harta benda yang ada dalam rumah (Nik Abdul Aziz 2015). Pendapat ini disokong oleh Jamaluddin Rosmawi (2004:24) yang mengatakan isteri harus memiliki keyakinan bahawa yang utama dalam hidupnya adalah mengatur rumah tangganya. Wahbah al-Zuhaili (1997) berpendapat sebagai seorang isteri, mereka perlu bertanggungjawab untuk menjaga hak suami seperti rumahnya, hartanya dan anak-anaknya. Seorang isteri itu harus menjaga rumahtangganya supaya sentiasa kelihatan bersih dan teratur kerana cara ini boleh menambat hati suami. (Amina 1997:54).

Sebagai kesimpulan, hak-hak layanan yang isteri perlu tunaikan terhadap suami adalah lebih cenderung kepada hak yang berbentuk bukan harta seperti yang telah dinyatakan dalam perbincangan di atas. Antara hak isteri terhadap suami, berhias termasuk dalam tanggungjawab yang wajib dilaksanakan. Golongan isteri perlu memberikan perhatian kepada hak-hak dan tanggungjawab ini untuk memastikan kebahagiaan hakiki di dunia dan akhirat.

KEUTAMAAN WAKTU ISTERI DIANJURKAN BERHIAS UNTUK SUAMI

Seorang isteri perlu berhias untuk suami pada setiap masa dan keadaan untuk menjalinkan kasih sayang yang lebih erat antara sesama pasangan. Walaubagaimanapun, terdapat empat keutamaan waktu isteri perlu berhias untuk suami yang memberi kesan khusus dan istimewa. Waktu ini adalah lebih bermakna berbanding waktu lain kecuali waktu *berjima'* (Adhim & Mohammad Fauzil 1998).

Antara keutamaan waktu isteri perlu berhias untuk suami ialah ketika menyambut kepulangannya. Pendapat ini selari dengan Nik Abdul Aziz (2014) isteri perlu berhias terutamanya ketika menyambut kepulangan suami kerana ia dapat menyenangkan hati suami dan rumah tangga pasangan akan lebih harmoni. Hati suami yang pulang dari sesuatu tempat pasti akan tenang apabila melihat keadaan isteri yang terurus dan cantik ketika menyambutnya. Hubungan yang terjalin pasti menjadi lebih erat dan kebahagiaan antara pasangan akan lebih terserlah. Rasa sayang suami terhadap isteri juga akan bertambah kukuh apabila mereka menyukai dan selesa melihat penampilan isteri. Pendapat ini sejajar dengan Mohd Hasnawi (2007) iaitu isteri yang cantik, berbau harum dan berhias dengan berpakaian yang baik dan indah ketika menyambut suami merupakan salah satu faktor timbulnya kebahagiaan pada diri suami.

Seterusnya waktu kedua ialah ketika suami hendak keluar bekerja. Waktu ini amat penting bagi memastikan perkara terakhir yang dilihat suami ketika keluar dari rumah ialah penampilan dan wajah isteri yang cantik dan menyejukkan mata. Kebiasaannya apabila telah mendirikan rumah tangga dan mempunyai anak, isteri tidak mempunyai masa untuk berhias. Namun perkara tersebut tidak boleh dijadikan alasan kerana berhias tidak semestinya menggunakan peralatan kosmetik dan memerlukan masa yang lama. Golongan isteri boleh berhias dengan hanya menjaga kebersihan muka dan badan terutamanya ketika di meja makan sebelum suami keluar bekerja. (Adhim & Mohammad Fauzil 1998). Perkara ini penting kerana situasi di meja makan dapat mengukuhkan kasih sayang antara suami dan isteri sepertimana yang diaamalkan oleh Nabi s.a.w. Baginda sentiasa mewujudkan suasana

romantik ketika berada di meja makan dengan menyuapkan makanan kepada isteri dan minum air di bekas yang sama dengan isterinya. (Muhammad Abdul Halim 1996)

Selain itu, waktu keutamaan isteri dianjurkan berhias untuk suami ialah ketika suami pulang secara tiba-tiba ke rumah untuk memenuhi kehendak syahwatnya. Pada dunia moden ini, suami selalu berhadapan dengan wanita-wanita yang mempunyai penampilan menarik dan pandai berhias ketika berada di luar rumah. (Pahrol Mohd Juoi 2012) Hal ini boleh menyebabkan nafsu syahwat suami meningkat apabila berhadapan dengan keadaan demikian. Bagi mengelakkan berlakunya perkara-perkara maksiat, lelaki yang mencintai agama dan isterinya akan mengambil tindakan dengan segera pulang ke rumah bagi melepaskan nafsu syahwat mereka pada jalan yang benar. Apabila berhadapan dengan situasi ini, isteri perlu meminta suami untuk menunggu bagi membersihkan diri dan berhias dengan penampilan yang menarik. Walaubagaimanapun, jika suami sudah tidak mampu menunggu, isteri perlu segera memenuhi kehendak suami dalam keadaan yang tidak berhias. (Mohammad Fauzil 1997)

Keutamaan waktu terakhir isteri dianjurkan berhias ialah ketika berada di tempat tidur. Menurut Mohammad Fauzil (1997) berhias pada waktu ini berbeza dengan berhias pada waktu lain kerana isteri tidak perlu memakai alat-alat kosmetik seperti lipstik dan bedak terutamanya jika pasangan tersebut tidur dalam keadaan lampu yang tertutup. Mereka hanya perlu memakai wangi-wangian dan pakaian yang bersih untuk menarik hati suami serta menuturkan ayat-ayat romantik yang akan mencairkan hati suami. Jika suami mengajak untuk berjima' isteri wajib untuk memenuhi kehendak tersebut jika tidak menghadapi sebarang keuzuran. Seorang isteri yang taat tidak akan menjadikan kepentingan dirinya sebagai penghalang untuk menunaikan hak suaminya. (Zuhriah 2000).

KESAN PENGABAIAN LAYANAN ISTERI DALAM ASPEK BERHIAS

Sepertimana yang dinyatakan dalam perbincangan di atas, amalan berhias termasuk dalam tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh isteri terhadap suami. Pasangan yang tidak memberi perhatian terhadap pelaksanaan dan tanggungjawab yang sempurna boleh menimbulkan banyak masalah seperti perselisihan serta pergaduhan dan boleh menyebabkan berlakunya perceraian. (Mohd Zawawi & Wan Ab. Rahman 2008). Menurut Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syarie Tan Sri Dr Ibrahim Lembang antara tujuh perkara menjadi pendorong utama berlakunya perceraian dalam kalangan pasangan Islam di negara ini adalah disebabkan masalah agama atau budaya, seksual, kewujudan pihak ketiga, suami atau isteri tidak bertanggungjawab, kesihatan, isu sosial atau akhlak serta ekonomi. Dalam kes-kes perceraian atau keruntuhan rumah tangga yang berlaku di Malaysia, pengabaian tanggungjawab suami isteri kerap menjadi antara punca utama ia berlaku. (Harian Metro 15 April 2014)

Dalam dunia yang penuh era modenisasi ini, golongan suami mudah tergoda dengan kecantikan dan perhiasan wanita yang bukan mahram. Perkara yang lebih membimbangkan ialah apabila mereka memilih jalan singkat dan bertentangan dengan agama untuk menyelesaikan masalah seperti menyimpan perempuan simpanan, pelacuran dan sebagainya. Perkara ini jika dibiarkan akan meningkatkan masalah gejala sosial. Terdapat banyak gejala sosial seperti zina berlaku yang melibatkan lelaki yang telah berkahwin kerana mereka sudah bosan dengan penampilan isteri yang tidak berhias. Tambahan pula, baru-baru ini masyarakat kita disiarkan dengan paparan berita dari akhbar Sinar Harian berkaitan permasalahan rumah

tangga yang bertajuk “Pengakuan Suami Curang” bertarikh 16 November 2014. Berita ini telah mendapat perhatian daripada seluruh golongan termasuk para Ustaz, ustazah dan penceramah yang mengulas pendapat mereka berkaitan isu ini di laman sosial seperti Facebook, Twitter dan Blog. Ruangan akhbar ini telah memaparkan tentang kisah seorang suami curang yang menjalinkan hubungan dengan seorang janda. Lelaki tersebut telah mengaku bersalah terhadap isterinya dengan mengemukakan alasan beliau bertindak sedemikian kerana isterinya tidak menjalankan tanggungjawab dengan sempurna. Walaupun isterinya telah menjalankan tanggungjawab menguruskan anak-anak dan rumah tangga dengan baik tetapi dia masih tidak berpuas hati dengan layanan isterinya dari segi penampilan dan kekemasan diri. Hal ini telah menyebabkan lelaki itu menggunakan alasan tersebut untuk mendekati wanita lain. Kisah pasangan suami isteri dalam keratan akhbar ini bukanlah suatu perkara baru, malah masalah ini telah lama berlaku dalam rumah tangga masyarakat Malaysia.

Selain itu, pengabaian isteri terhadap amalan berhias juga boleh mengurangkan kebahagiaan dan kegembiraan dalam jiwa suami. Perkara ini jika dibiarkan secara berterusan sudah tentu akan menjejaskan hubungan dalam rumah tangga. Matlamat perkahwinan untuk mewujudkan rumah tangga sakinah dan mawaddah tidak akan tercapai apabila suami tidak merasa tenang dan bahagia ketika bersama isteri. Amalan berhias ini perlu diberi perhatian dan dikekalkan oleh isteri supaya rumah tangga akan sentiasa tenang dan bahagia. Walaupun seorang isteri itu tidak cantik rupa parasnya, tetapi sekiranya layanan yang diberikan kepada suami sempurna maka isteri tersebut akan menjadi penghibur suami sekaligus melahirkan kebahagiaan dalam rumah tangga yang dibina. (Nik Abdul Aziz: 2014)

Layanan yang tidak memuaskan daripada isteri juga merupakan faktor penyebab suami memilih untuk berpoligami. (Zaini 2000, Zaliha 2002). Zaini Nasohah (2000) berpendapat antara faktor penyebab suami berkahwin lain atau berpoligami ialah tidak ada perubahan dalam layanan harian isteri. Menurut beliau lagi seorang isteri yang jarang berhias semasa di rumah, tidak dapat mewujudkan imej atau suasana menarik serta memikat sekaligus menyebabkan suami mudah merasa jemu. Keadaan tersebut akan mendorong suami untuk mengalih perhatian kepada wanita lain yang lebih pandai melayan sehinggakan suami tersebut mencari alasan untuk berpoligami.

Kenyataan di atas begitu jelas menunjukkan betapa besar dan dominannya kesan pengabaian amalan berhias untuk suami dalam rumah tangga. Isteri sewajarnya bergerak dan berperanan dalam memberikan layanan yang baik kepada suami dalam aspek berhias bagi memastikan perannya mampu menimbulkan kesan positif terhadap keteguhan dan keutuhan rumah tangga yang di bina agar ianya berkekalan hingga ke akhir hayat.

KESIMPULAN

Dalam kehidupan rumah tangga, setiap isteri wajib memberikan layanan yang baik kepada suaminya dan setiap suami juga wajib memberikan layanan baik kepada isterinya. Golongan isteri perlu memastikan agar setiap tanggungjawab terhadap suami dilaksanakan dengan sempurna termasuk amalan berhias. Ianya merupakan amalan yang dibolehkan dalam Islam tetapi dikhususkan kepada perhiasan yang zahir sahaja serta perhiasan untuk suami.

Islam mengharuskan perhiasan dan tidak melarang golongan wanita untuk berhias serta menjaga penampilan diri. Hal ini bertepatan dengan ajaran Islam yang menganjurkan agar wanita memakai pakaian yang indah, berhias dengan kemas dan memakai wangi-wangian yang sesuai. Walau bagaimanapun, keharusan ini tertakluk kepada batasan-batasan dan larangan tertentu yang mesti dipatuhi oleh setiap wanita. Islam juga membenarkan wanita untuk bersolek dan menjaga kecantikan fizikal selagi ia menepati garis panduan syariat, bahkan ia wajib jika dilakukan terhadap suami untuk menarik perhatiannya.

Oleh yang demikian, golongan isteri perlu memastikan agar mereka menjalankan tanggungjawab terhadap aspek-aspek layanan yang dinyatakan ini dengan baik kerana pengabaian boleh menimbulkan pelbagai masalah dan krisis dalam rumah tangga seperti perceraian, masalah sosial dan suami mencari alasan untuk berpoligami atau mendekati wanita lain. Suami dan isteri juga boleh memenuhi tanggungjawab untuk melayani dan menghargai pasangan masing-masing dengan melaksanakan peranan yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w.

RUJUKAN

- Adhim, Mohammad Fauzil. (1998). *Kado Pernikahan untuk Isteriku*. Jakarta: Mitro Pustaka.
- Aidh al-Qarni. (2014). *La Tahzan Buat Muslimah Yang Berkerjaya*. Terj. Norsheila Mohd Yusof. Ed.1. Selangor: al-Hidayah House of Publisher Sdn. Bhd.
- Akmal Haji Mohd Zain.(1992). *Kegoncangan Rumah Tangga, Penyelesaian Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Mahir Publication Sdn. Bhd.
- Amina Hj Noor. (1997). *Andalah Wanita Syurga*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Al-Thatibi, Syekh Ukkashah Abdul Manan. (2002). Terj. Alimin, H. Fauzan Jamal. *Etika Muslimah: Bimbingan praktik dari serambi Rasulullah saw*. Jakarta: Cendekia Sentra Muslim.
- A'tiyah Saqar. (2005). *Hak-hak Suami Isteri*. Terj. Arifin bin Ladari. Kuala Lumpur: Berlian Publication.
- Azhar Muhammad & Kamarul Azmi Jasmi (2004). Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri di kalangan Orang-orang Melayu in *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan. 2004* at Main Hall, Faculty of Education, Universiti Malaya, on 29-30 May 2004 , pp 1-8.
- Harian Metro, (2014) *Tujuh Perkara Dorong Cerai*. 15 April.
- Jamaluddin Romawi. (2004). *Pengurusan Pintar Rumah tangga*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. (2015). *Bunga Kebahagiaan*. Selangor: Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- Noran Fauziah Yaakub, Abdul Rahman Md. Aroff, Othman Mohamed dan Abdul Aziz Zakariah. (1993). Family Dynamics and Adolescent Development: Perceptions of Malaysia Religious School Students. Kertas yang dibentangkan di Seventh Biennial Conference Asian Regional Association for Home Economics. 19-23 Julai. Concorde Hotel, Kuala Lumpur.
- Mason bin Ibrahim. (2001). *Hak Wanita dalam Undang-undang Keluarga Islam di Brunei*. Disertasi untuk Doktor Falsafah Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohd Hasnawi. (2007). *Suami Isteri yang Diredhai*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

- Mohd Zawawi Abu Bakar & Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah. (2008). *Hak Suami Isteri dalam Perkahwinan Islam: Analisis menurut Fiqh*. Journal of ethics, legal and governance. Vol. 4, 2008 (35 - 52)
- Muhammad Abdul Halim Hamid. (1996). *Bagaimana Membahagiakan Hati Isteri*. Abu Karimah. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Muhammad Uqlah. (1989). *Nizam al-Ushrah fi al-Islam*. Jil. 1. Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadith.
- Pahrol Mohd Juoi. (2012). *Hati Seorang Lelaki*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Saodah Abd. Rahman. (2010). *Wanita Dan Cabaran Zaman*. Ed.1. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Sofiah Samsudin & Maziah Mahmud. (2013). Ikhtilat dan Tabarruj: Kajian Terhadap Prinsip dan Disiplin Surah al-Nur dan al-Ahzab. Kertas yang dibentangkan di International Seminar of Wahyu Asas Tamadun. 20-21 November. Fakulti Pengajian al-Quran dan al-Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia.
- Taha Abdullah al-Afify (1995) *Hak suami dan isteri dalam Islam*. Terj. Amir Taat Nasution. Johor Bharu: Jahabersa.
- Utsman al-Khasyat. (1997). *Muslimah Ideal di Mata Pria*. Penterjemah Muhammad Abdul Ghaffar. Bandung: Pustaka Hidayah.
- Utusan Malaysia, (2015) *Berhias diharuskan*, 26 Februari.
- Wahbah al-Zuhaili (2000). *al-Ushrah Muslimah Fi A'lam Ma'asir*. Damsyik: Darul Fikr.
- Zaini Nasohah. (2000). *Poligami Hak Keistimewaan Menurut Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Zaleha Muhamat. 2002. *Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd
- Zuhriah Mohamad Juoi. (2006). *Membentuk Syurga Rumah Tangga*. Ed.ke-3. Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd.